

PULAU PINANG MALAYSIA



JADUAL PERJALANAN YANG DICADANGKAN



8 KEAJAIBAN DUNIA DI PULAU PINANG

- TEMPAT PERLINDUNGAN RAMA-RAMA & SERANGGA TROPIKA YANG PERTAMA DI DUNIA**
Entopia oleh Taman Rama-rama Pulau Pinang
- GELONGSOR AIR TERPANJANG DI DUNIA DENGAN REKOD DUNIA GUINNESS**
ESCAPE Penang
- ZIP COASTER TERPANJANG DI DUNIA DENGAN REKOD DUNIA GUINNESS**
ESCAPE Penang
- TREK TEROWONG PALING CURAM DI DUNIA**
Bukit Bendera
- JAMBATAN TEGANGAN ALTIUDUD BAK-REBEN TERTINGGI DI DUNIA**
The Habitat Bukit Bendera
- GELONGSOR JATUH TEGAK BEBAS YANG PERTAMA DI DUNIA**
Tech Dome Penang
- MEMORIAL SKYWALK MELENGKUNG PERTAMA DI DUNIA**
Rainbow Skywalk di The TOP
- TAMAN BIOPENDARFLUOR PERTAMA DI DUNIA**
(DIBUKA PADA NOV 2024)
Entopia oleh Taman Rama-rama Pulau Pinang



LAWATAN SAMBIL BELAJAR

- HARI 1: GEORGE TOWN**
 - RUMAH AGAM CHEONG FATT TZE
 - RUMAH AGAM BERANAKAN PULAU PINANG
 - RUMAH YEAP CHOR EE
 - MUZIUM SUN YAT SEN
 - MUZIUM NEGERI PULAU PINANG
- HARI 2: TELUK BAHANG – BUKIT BENDERA**
 - TAMAN REMPAH TROPIKA
 - LADANG BUAH-BUAH TROPIKA
 - DENAI TINJAU ALAM/JALAN WARISAN DI BUKIT BENDERA
 - EKSPLORASI BUKIT BENDERA WAKTU MALAM
 - THE HABITAT BUKIT BENDERA
 - TAMAN NEGARA PULAU PINANG
 - KILANG BATIK
 - ENTOPIA OLEH TAMAN RAMA-RAMA PULAU PINANG

* Tempat tarikan pelancong menyediakan lawatan dalam pada masa yang berbeza. Sila hubungi terlebih dahulu untuk menyepakai jeda lawatan dan memampah slot anda.

JADUAL PERJALANAN YANG DICADANGKAN




JELAJAH MAKANAN JALANAN HALAL

- HARI 1: GEORGE TOWN KE AIR ITAM**
 - SARAPAN** NASI LEMAK: Ali Nasi Lemak Daun Pisang, George Town; ROTTI CANAI: Rotti Canal, Transfer Road; MEE SOTONG: Bangkok Lane Mee Goreng, New World Park
 - SELEPAS SARAPAN** BUBUR KACANG: Ali Bubur Kacang, Lebuah Pasar, George Town
 - MAKAN TENGAH HARI** NASI DAUN PISANG: Muti Banana Leaf, George Town; Bee Hwa Cafe, Lebuah Dickens; Sup Hameed, Penang Road
 - WAKTU REHAT** MEE SOTONG: Hameed Pata Mee Sotong, George Town
 - MAKAN MALAM** NASI KANDAR: Nasi Kandar Kampung Melayu, Air Itam; Astaka Padang Brown, Jalan Perak; Nasi 7 Benua, Taman Tunas Muda, Bayan Lepas
 - MAKAN LEWAT MALAM** NASI ITIK PANGGANG & ITIK PIPA: Air Itam
- HARI 2: GELUGOR, BALIK PULAU, BAYAN LEPAS**
 - SARAPAN** NASI LEMUNG: Astaka Taman Tun Sarden, Gelugor
 - SELEPAS SARAPAN** ROTTI CANAI SARANG BURUNG: Gerai Rotti Canai Abah, Balik Pulau
 - MAKAN TENGAH HARI** NASI CAMPUR: Mak Ngeh Gulai Warisan, Balik Pulau; Food Bayana, Bayan Lepas
 - WAKTU REHAT** LAKSA: Laksa Janggus Kak Timah, Balik Pulau
 - MAKAN MALAM** ORIGINAL PENANG KAYU NASI KANDAR: Bukit Jambul
 - MAKAN LEWAT MALAM** SATE: Jalan Tokong Ular, Bayan Baru
- HARI 3: BUTTERWORTH, KEPALA BATAS, BUKIT MERTAJAM**
 - SARAPAN** NASI KANDAR: Nasi Kandar Jati, Butterworth; Sin Bee Chew Restaurant, Bagan Luar, Butterworth; Aziz Rotti Canal, Telok Air Tawar, Butterworth
 - SELEPAS SARAPAN** MEE BANDUNG: Restoran Mee Bandung Noor, Butterworth
 - MAKAN TENGAH HARI** IKAN BAKAR: Restoran Ikan Bakar Din, Kepala Batas
 - WAKTU REHAT** CUCUR UDANG: Restoran Shahul Hamid, Kepala Batas
 - MAKAN MALAM** MEE UDANG: Warung Paksu Mee Udang, Bukit Mertajam
 - MAKAN LEWAT MALAM** CHAR KOAY TEOW: Key's Char Koay Teow, Bukit Mertajam



Selamat datang ke Pulau Pinang!



Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang dinamik dengan ibu kota George Town, mempunyai keunikan yang jarang ditemukan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, dan Bukit Bendera yang ikonik telah diiktiraf sebagai tapak rizab Biosfera UNESCO. Negeri ini menggabungkan pelbagai budaya dengan pengaruh Timur dan Barat. Dengan mengekalkan banyak nilai yang diterima pakai semasa era pemerintahan British, Pulau Pinang mempunyai daya tarikan unik yang tersendiri.

POPULASI 1.77 juta


SUHU 30°C / 25°C
Waktu Siang Waktu Malam

JADUAL PERJALANAN YANG DICADANGKAN



JELAJAH BUDAYA & WARISAN GEORGE TOWN

- DARI KOMTAR**
 - JALAN HARMONI (GEREJA ST. GEORGE, KUIL DEWI RAHMAT, KUIL SRI MAHA MARIAMMAN, MASJID KAPITAN KELING)
 - KHOD KONGSI
 - SENI JALANAN "BUKAD DI ATAS KERUSI"
 - CHEAH KONGSI
 - SENI JALANAN "KUCING & MANUSIA, BAHAGIA HIDUP BERSAMA"
 - KOTA CORNWALLIS
 - LITTLE INDIA
 - JETI KLAN



BAHAGIAN LAIN PULAU - BALIK PULAU

- DARI TERMINAL BAS BALIK PULAU**
 - GEREJA NAMA KUDUS YESUS
 - SENI JALANAN
 - BULATAN BALIK PULAU
 - AUDI DREAM FARM
 - SERAMIK SILA STUDIO
 - BEDAK SEJUK LEAN SENG
 - HUTAN PAYA LAUT
 - PANTAI MALINDO
 - LADANG KAMBING TENUSU SAANEN
 - KILANG BUAH PALA GHEE HUP
 - KANDANG KAWASAN DESA DI PULAU PINANG
 - KILANG BELACAN CHOP KIM HOA



JADUAL PERJALANAN YANG DICADANGKAN



BAHAGIAN BERTENTANGAN PULAU - SEBERANG PERAI

- HARI 1: SEBERANG PERAI UTARA**
 - BUKIT KATAK
 - HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM
 - KAMPUNG AGONG
 - GALERI WARISAN ARKEOLOGI GUAR KEPAH
 - CAPAL JAGO
 - BERTAM SOUK & TAMAN AIR
 - KULI SRI MAHA MARIAMMAN
- HARI 2: SEBERANG PERAI TENGAH**
 - TAMAN RIMBA BUKIT MERTAJAM
 - BANDAR LAMA BUKIT MERTAJAM YANG MENAWAN
 - GEREJA HATI KUDUS YESUS
 - TAMAN BURUNG PULAU PINANG
 - BASILIKA KECIL ST. ANNE
 - BATU BERSURAT CHEROK TOKUN
 - JURU AUTO CITY
 - BUTTERWORTH ART WALK
 - TOKONG SEMBILAN MAHARAJA DEWA
 - KUIL SRI MUNISWARAR
 - BUKIT BERAPIT
 - ICON CITY
- HARI 3: SEBERANG PERAI SELATAN**
 - TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR
 - KAMPUNG NELAYAN BUKIT TAMBUN
 - PULAU AMAN
 - MEDAN BELI-BELAH OUTLET DESIGN VILLAGE
 - IKEA BATU KAWAN



LOKASI

Pulau Pinang terletak sejauh 20 minit perjalanan dengan feri dari Butterworth. Dua buah jambatan menghubungkan pulau itu dengan tanah besar: Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Pulau Pinang Kedua (Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah). Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang menyaksikan penerbangan antarabangsa yang masuk dari banyak negara seperti China, Hong Kong, Singapura, Thailand, Indonesia, Taiwan, Vietnam dan Qatar.

Pulau Langkawi terletak sejauh 2 jam 45 minit perjalanan dengan feri, atau penerbangan singkat selama 35 minit. Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia, terletak sejauh 50 minit penerbangan dari sini, atau boleh diakses melalui perjalanan kereta api atau kereta selama empat jam.

Penyesuai soket jenis G

200 - 240 volt

Ketika bercuti Ketika mengunjungi masjid

BAHASA

Kebanyakan papan tanda ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, dengan beberapa papan tanda ditulis juga dalam bahasa Cina. Meskipun bahasa Inggeris dituturkan secara meluas di kebanyakan tempat, mengetahui asas bahasa Melayu akan sangat membantu kerana papan tanda jalan dan destinasi utama ditulis dalam bahasa Melayu.

BAHASA MELAYU		Street	Lebuah
Good morning	Selamat pagi	I'm sorry	Minta maaf
Good afternoon	Selamat tengah hari	How much is it?	Berapa harga
Good evening	Selamat petang	It's expensive	Mahalnya
Good night	Selamat malam	Check, please / I'd like to pay	Tolong kira
Good bye	Selamat tinggal	Please give me a receipt	Tolong bagi resit
Thank you	Terima kasih	It's delicious	Sedapnya
You're welcome	Sama-sama	It's delicious	Food court
How much is it?	Gui lui	Lane	Lorong
It's delicious	Hochiak		

TELEKOMUNIKASI

Kad SIM tempatan boleh dibeli apabila anda tiba di lapangan terbang. Hanya pilih daripada pelbagai pilihan pengendali telekomunikasi yang tersedia. Gerai runcit terletak di balai ketibaan, selepas anda keluar dari kawasan tuntutan bagasi. Kebanyakan kedai serbaneka menawarkan perkhidmatan tambah nilai kredit apabila kredit kad SIM anda sudah habis.

WI-FI

Pulau Pinang mempunyai rangkaian Wi-Fi yang bersesuaian dengan bandar yang mesra pelancong. Wi-Fi disediakan di kebanyakan hotel dan tersedia di kebanyakan kawasan di bandar ini.

Terdapat sebanyak 1,550 kawasan liputan Wi-Fi disediakan di tempat tarikan pelancong dan tempat awam di seluruh George Town. Kebanyakan kafe juga turut menawarkan Wi-Fi secara percuma. Untuk kemudahan, anda boleh membeli kad SIM tempatan dengan pakej data untuk mengakses Internet pada setiap masa.



+604-264 3456


No.8-B (First Floor), The Whiteaways Arcade, Lebuah Pantai, George Town, 10300 Penang, Malaysia

mypenang.gov.my
Penang Global Tourism
penang.experience
Penang Global Tourism
experiencepenang

檳城环球旅游机构
檳城旅游局
檳城环球旅游机构
体验檳城
info@penanglobaltourism.com

PETAC Penang

Website Penang Travel Deals Weibo Wechat




PUSAT PENERANGAN PELANCONG

No. 8B (Tingkat satu),
The Whiteways Arcade,
Lebuh Pantai, George Town
10300, Penang, MALAYSIA.

Waktu Operasi
Isnin hingga Jumaat
(Kecuali hari kelepasan am)
9.00 pagi hingga 5.00 petang

- Tempat makan (Siang)
- Tempat makan (Siang & Malam)
- Tempat makan (Malam)
- Tempat menarik
- Perniagaan Tradisional
- Hotel
- + Keperluan
- + Klinik
- + Balai Polis
- + Stesen dok LinkBike
- + Tandans Awam
- + Little India
- + Muzium Negeri Pulau Pinang ditutup. Dijadualkan untuk mula beroperasi pada tahun 2025.

* Peta tidak dilukis mengikut skala dan untuk tujuan ilustrasi sahaja.
 * Semua maklumat yang dinyatakan dalam risalah ini adalah betul pada masa cetakan dan tertakluk pada perubahan tanpa notis awal.
 * Penerbit risalah ini tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kerugian, sama ada secara langsung, tidak langsung, atau sebaliknya, yang mungkin timbul daripada penggunaan risalah ini oleh mana-mana individu atau entiti.
 * Sempadan serta nama yang dipaparkan dan mercu tanda yang digunakan dalam risalah ini tidak menunjukkan bahawa Penang Global Tourism memberikan sokongan atau pengiktirafan rasmi.



Zon Penanpan (150.04 hektar)
 Zon ini dilindungi oleh Zon Penanpan seluas 150.04 hektar (tidak termasuk penanpan laut), dibatasi oleh kawasan perairan di sekitar pelabuhan, Jalan Dr Lim Chwee Leong dan Gat Jalan Prangin di barat daya, dan Jalan Transfer di barat laut.

Zon Inti (109.38 hektar)
 Bandar Raya Bersejarah George Town meliputi kawasan seluas 109.38 hektar yang dibatasi oleh Selat Melaka di timur laut, Tanjung Pulau Pinang, Lorong Love di barat laut, dan Gat Lebuh Melay, Lorong Carnarvon di barat daya.

Terdapat lebih daripada 1,700 buah bangunan bersejarah dalam Zon Inti, diijazahkan di empat jalan utama - Pengkalang Weld, Lebuh Pantai, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lorong Love - serta beberapa jalan serenjang: Jalan Tun Syed Sheh Barakbah, Lebuh Light, Lebuh Bishop, Lebuh Gereja, Lebuh China, Lebuh Pasar, Lebuh Chulia, Lebuh Armenian dan Lebuh Acheh.

Jumlah keluasan tanah
259.42 hektar

PENGANGKUTAN TEMPATAN

Pusat bandar Pulau Pinang mempunyai saiz yang cukup kecil untuk dilawati dengan berjalan kaki, terutama sekali di George Town dan di kawasan sekitar George Town. Anda boleh menikmati pemandangan dengan menaiki beca atau menggunakan Link Bike. Sebagai alternatif, perkhidmatan bas ulang-alik percuma, iaitu bas Transit Kawasan Tengah (Central Area Transit, CAT), yang menyediakan cara mudah untuk bergerak di sekitar bandar.

Untuk melihat tempat menarik di luar George Town - seperti Kuit Kek Lok Si, Bukit Bendera, Batu Ferringhi, dan Teluk Bahang - perkhidmatan bas bandar dan teksi standard tersedia, termasuk perkhidmatan e-panggilan. Sentiasa periksa jadual dan tambang terlebih dahulu sebelum menentukan mod pengangkutan pilihan anda. Sebagai alternatif, anda juga boleh menyewa kereta untuk memudahkan perjalanan mengikut keselesaan anda sendiri.

Beca
 Cara yang menarik dan santai untuk bergerak di sekitar George Town adalah dengan menaiki beca. Pastikan anda bersejua dengan harga tambang sebelum memulakan perjalanan anda - kadar purata ialah RM50 sejam untuk dua orang, bergantung pada jarak dari titik permulaan ke destinasi anda.

Feri
 Terdapat dua jenis perkhidmatan feri: feri laju (khusus untuk pejalan kaki sahaja) dan feri kenderaan (untuk motosikal dan basikal). Feri laju yang mempunyai penaman udara itu menyediakan perkhidmatan bagi laluan Pengkalan Sultan Abdul Halim (Butterworth) ke Terminal Kapal Pesisiran Jati Swettenham (George Town) manakala feri kenderaan menyediakan perkhidmatan bagi laluan Pengkalan Sultan Abdul Halim (Butterworth) ke Pengkalan Raja Tun Uda (George Town). Jika anda menaiki kereta api ke Pulau Pinang dari Kuala Lumpur atau bandar lain, anda boleh menaiki feri ke pulau itu dari Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth, yang terletak hanya bersebelahan dengan stesen kereta api.

Seksi
 Teksi mudah didapati di sekitar kawasan pulau. Ini memudahkan pelawat untuk menjelajah sekitar pulau. Pastikan anda bersejua dengan harga tambang sebelum menaiki teksi. Mulakan dengan bertanya harga tambang untuk sampai ke destinasi anda; anda boleh berunding tentang harga tambang jika anda rasa ia terlalu mahal.

Tambang Purata
 Dari George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang: RM45
 Dari George Town ke Bukit Bendera atau Kek Lok Si: RM30

Nota: Tambang adalah berdasarkan jarak perjalanan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lawati: www.myrapid.com.my.

Laluan Bas CAT Percuma (George Town)

Perkhidmatan bas ulang-alik percuma ini beroperasi di George Town. Perkhidmatan ini merupakan cara pengangkutan yang paling kerap digunakan oleh pelancong untuk bergerak di sekitar bandar dan melawat tempat tarikan tempatan yang popular secara percuma. Perhatikan bas Rapid Penang yang mempunyai papan tanda "Bas CAT Percuma".



PENGINAPAN & BERSANTAI

Pulau Pinang menawarkan pilihan penginapan yang hebat untuk memenuhi keperluan dan bajet yang berbeza, daripada hotel mewah, hotel butik dan pangsupuri perkhidmatan, kepada asrama bajet, rumah tamu berhadapan pantai dan inap desa yang menarik.



- GEORGE TOWN**
 George Town kini menjadi kegemaran pelawat kerana variasi penginapan butik yang bersifat eklektik, merangkumi rumah kedai tradisional yang telah dibaik pulih dengan indah serta hotel moden yang mempunyai unsur-unsur tempatan. Menginap di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town adalah ideal untuk meneroka George Town dengan berjalan kaki, menaiki basikal, motosikal atau beca.
- PERSIARAN GURNEY**
 Dengan kedudukan strategik di antara kawasan bandar dengan pantai, hotel bertingkat tinggi di Persiaran Gurney memberikan pemandangan laut dan bandar yang menakjubkan. Bagi penggemar makanan jalanan yang enak, boulevard bertaraf dunia, serta hiburan malam hari, boulevard persiaran yang ikonik ini merupakan pusat segala aktiviti.
- TELUK BAHANG, BATU FERRINGHI, TANJUNG BUNGAH**
 Jalur pantai yang terkenal di utara Pulau Pinang, dari Tanjung Bungah hingga ke Batu Ferringhi, menempatkan banyak resort pantai bertaraf 3 hingga 5 bintang, dengan pelbagai pilihan aktiviti beli-belah, hiburan malam hari, dan ekopelancongan yang berdekatan. Untuk pengalaman suasana kampung yang tidak dapat dilupakan, terdapat inap desa yang tersedia di perkampungan nelayan kecil yang berhampiran.
- ZON TENGGARA**
 Zon tenggara yang terletak tidak jauh dari taman berteknologi tinggi di pulau itu, mempunyai lapan terbang antarabangsa, kelab golf, dua jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan pulau itu ke tanah besar, dan salah satu medan beli-belah yang terbesar di Pulau Pinang. Terdapat pelbagai jenis hotel kelas perniagaan untuk dipilih, serta pusat konvensyen termasuk Pusat Konvensyen Setia SPICE dan Penang Waterfront Convention Centre, yang dijadualkan siap pada suku kedua 2025.
- SEBERANG PERAI UTARA**
 Jika anda ingin melawat tempat menarik yang berdekatan seperti Butterworth Art Walk, hotel ini akan menjadikan Seberang Perai Utara sebagai tempat tinggal anda.
- SEBERANG PERAI TENGAH**
 Bahagian ini merupakan bahagian Seberang Perai yang sibuk dengan beberapa buah medan beli-belah. Taman Burung yang pertama dan terbesar seumpamanya di Malaysia - terletak di sini. Gereja St Anne yang terkenal ini terletak di Bukit Mertajam; harta peninggalan Cherok Tokun boleh ditemukan di dalam kawasan gereja. Terdapat lebih banyak hotel di kawasan Seberang Perai ini.
- SEBERANG PERAI SELATAN**
 Lawati Nibong Tebal dan Hutan Lipur Bukit Panchor, tempat anda boleh mendapat pengalaman melihat ekosistem bakau, meneroka di sekitar gua kelawar dan bersiar-siar di pelantar laluan tanah lembap.




INAP DESA
 Inap desa di Pulau Pinang menawarkan pilihan selain hotel biasa dengan menyediakan penginapan yang selesa dan berpatutan untuk pelancong yang ingin tinggal bersama-sama penduduk tempatan, atau ingin menghindari kesibukan bandar. Pelancong akan mendapat peluang untuk mengalami budaya dan gaya hidup tempatan dalam suasana yang santai. Mengambil bahagian dalam aktiviti biasa di luar bandar seperti memancing, menoreh getah, memetik buah, membuat kraf dan banyak lagi. Bertukar cerita dengan penduduk tempatan, menikmati hidangan yang dimasak di rumah dan mungkin juga meraikan majlis perkahwinan tradisional, atau aturkan satu majlis untuk diri sendiri!

Program inap desa di Pulau Pinang meliputi 11 buah lokasi di kawasan utara, masing-masing mempunyai kemuncak tersendiri yang memastikan pelancong mendapat pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan penuh dengan aktiviti. Ini termasuk:

- Inap Desa Batik Pulau
- Kota Aur
- Pulau Betong
- Pulau Aman
- Sungai Chenaam
- Mengkuang Titi
- Sungai Duri
- Teluk Bahang
- Sungai Semilang
- Sungai Setar
- Lahar Yooi



IMBAS UNTUK MENYERAPKAN MAKLUKUT LANJUT



TAWARAN PELANCONGAN PULAU PINANG

Temukan tawaran terbaik di penangtraveldeals.com untuk penginapan yang menyeronokkan dan tidak dapat ditupakan di Pulau Pinang. Dengan pelbagai pilihan seperti hotel, tempat menarik, lawatan, makanan, cara hidup, majlis perkahwinan dan banyak lagi, tawaran ini menawarkan pengalaman yang berbeza dengan penjaminan yang besar.



PELANCONGAN PELAYARAN

Terminal Kapal Pesisiran Jati Swettenham merupakan penambahan terkini dan paling utama di Pelabuhan Pulau Pinang sejak kerja pembinaan semula yang besar pada tahun 2010. Jeti baharu ini menempatkan kapal pesisiran kelas Kuantum, dengan himitan utama yang mampu mengendalikan kapal pesisiran yang lebih besar. Antara kapal besar yang telah singah di pelabuhan ialah Quantum of The Seas dan Ovation of The Seas oleh Royal Caribbean Cruisers, dan kapal mewah Queen Elizabeth. Selain itu, pengendali pelayaran terkenal lain seperti Costa Crociere, Princess Cruises dan Celebrity Cruises juga sering mengunjungi Pelabuhan Pulau Pinang. Sehingga akhir tahun 2023, pelabuhan tersebut mencatatkan sebanyak 156 lawatan antarabangsa, dengan jumlah penumpang melebihi 573,000 orang.

PELANCONGAN PERKAHWINAN PULAU PINANG

Suasana pantai yang cerah, hutan tropika yang subur, seni bina yang memukau - ini menyediakan latar yang sesuai untuk melafatkan "Saya terima" untuk seumur hidup. Negeri ini terkenal dengan campuran pelbagai tradisi budaya yang mencerminkan pengaruh Melayu, Cina, India dan Eropah yang harmoni. Itulah sebabnya Pulau Pinang mempunyai pelbagai tema perkahwinan daripada kontempori hinggalah tradisional seperti Peranakan, Cina, Melayu dan India. Ditambah dengan ini, pemandangan yang menakjubkan dan lokasi unik di Pulau Pinang menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan dan sekali seumur hidup.

Layari www.penangweddingtourism.gov.my untuk mendapatkan butiran.

FOTOGRAFI PRAPERKAHWINAN

Terdapat daya tarikan dunia lama Pulau Pinang, mercu tanda ikonik, hutan hujan purba, pantai yang indah, mural yang terang dan keajaiban buatan manusia yang tiada tandingan, dan membuatkan hati kita berdebar-debar. Foto yang diambil di lokasi yang indah ini kelihatan seperti dalam mimpi. Tambah pula, saiz Pulau Pinang yang kecil dan rangkaian jalan yang baik memudahkan jurugambar untuk merakam kontras antara Tapak Warisan Dunia UNESCO yang sibuk di George Town dengan ketenangan hutan hujan yang berusia 130 juta tahun, serta pantai yang cantik, kampung yang menawan, dan keindahan yang tersembunyi dalam beberapa hari sahaja.



MESYUARAT, INSENTIF, PERSIDANGAN & PAMERAN (MICE)

Gabungan unik kemodanan dan tradisi Asia di Pulau Pinang, ditambah pula dengan industri perhotelan yang mantap, menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE yang popular. Pulau Pinang menawarkan pengembara perniagaan pelbagai pusat konvensyen yang moden dan canggih, termasuk tempat tertumpu yang terbesar, iaitu Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre (SPICE), dengan kapasiti maksimum seramai 18,000 orang, serta Arena SPICE, tempat serba guna yang direka khusus untuk pertunjukan, konsert, acara sukan dan pameran. Penang Waterfront Convention Centre (PWCC) mempunyai dewan pameran seluas 76,000 kaki persegi yang sedia untuk beroperasi tidak lama lagi, manakala pusat konvensyen Penang World City (PWC) di tenggara pulau itu dalam peringkat perancangan. Pusat Konvensyen PICCA @ Butterworth Arena merupakan pusat konvensyen terbesar di wilayah utara Malaysia, menawarkan pengalaman yang dipertingkatkan di tempat yang bertaraf dunia serta memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa. Pulau Pinang juga menawarkan pelbagai tempat unik yang merangkumi bangunan bersejarah, mercu tanda ikonik dan taman ekopelancongan, semua itu menjanjikan suasana latar belakang yang tidak dapat dilupakan untuk acara yang sempurna.



PELANCONGAN PERUBATAN PULAU PINANG (PMED)

Malaysia kini tersenarai antara destinasi pelancongan perubatan yang terbaik di dunia. Ramai pelancong perubatan memilih Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan mereka kerana kos kemudahan perubatan yang berpatutan dan berkualiti tinggi. Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pelancongan memantau pelancongan perubatan di Pulau Pinang dengan teliti bagi memastikan pesakit yang melawat menerima tahap penjagaan yang terbaik. Institusi penjagaan kesihatan swasta yang terkemuka di Pulau Pinang memenuhi standard Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH). Selain itu, terdapat banyak hospital yang mendapat akreditasi ISO 9001 untuk Sistem Pengurusan Kualiti dan mempunyai akreditasi Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, layari pmed.my.

StudyPENANG

Pulau Pinang sedang berkembang menjadi hab pendidikan bertaraf dunia, yang menawarkan pengalaman pembelajaran profesional untuk pelajar di seluruh dunia. Dengan kepulauan perubatan yang disediakan di kolej dan di universiti bertaraf antarabangsa dan dikirifati di peringkat antarabangsa, Pulau Pinang telah menjadi pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Banyak sekolah awam di Pulau Pinang adalah antara yang terbaik dan tertua di negara serta rantau ini, dengan sejarah yang bermula pada zaman pentadbiran British. Dengan berlandaskan sejarah yang terkenal ini dan diperkukuhkan secara meluas dalam bahasa Inggeris, Pulau Pinang sudah bersedia untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, layari studyupenang.gov.my.